

SULIT
Prinsip
Perakaunan
Okt/Nov
2023
2 ½ jam

3756/2



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
NEGERI SEMBILAN**

**PROGRAM PENINGKATAN AKADEMIK TINGKATAN LIMA
SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH NEGERI SEMBILAN 2023**

PRINSIP PERAKAUNAN

Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.*
2. *Jawab **semua** soalan di **Bahagian A** dan **dua** soalan daripada **Bahagian B**.*
3. *Kekemasan dan ketepatan akan dipertimbangkan dalam pemberian markah.*
4. *Tunjukkan kerja mengira. Ini membantu anda mendapatkan markah.*
5. *Sila jawab dalam **Buku Jawapan** yang disediakan.*
6. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*

Kertas soalan ini mengandungi 12 halaman bercetak.

4 halaman tidak bercetak.

Bahagian A
[60 markah]
Jawab *semua* soalan

1(a) Apakah jenis pemilikan perniagaan berikut?

- (i) Butik Pakaian Zabrizza
- (ii) Klinik Yong dan Rakan

[2 markah]

(b) Namakan klasifikasi akaun bagi item berikut.

- (i) Deposit sewa diterima
- (ii) Alat tulis

[2 markah]

(c) Nyatakan dokumen perniagaan yang berkaitan dengan urus niaga yang diberikan.

- (i) Mendepositkan tunai ke dalam bank menggunakan mesin deposit tunai.
- (ii) Jualan barang niaga terkurang caj.

[2 markah]

(d) Maklumat berikut dipetik dari Kilang Susu Chewy.

	RM
Kos Prima	45 000
Kos Overhed	23 000
Kerja Dalam Proses Akhir	10 000

Hitung Kos Pengeluaran yang terlibat.

[2 markah]

(e) Catatkan urus niaga berikut dalam Jurnal Am. (abaikan keterangan)

2023
Ogos 18 Pekongsi Rahul mengambil barang niaga bernilai RM800

[2 markah]

- 2 Maklumat berikut diperoleh daripada buku perniagaan Sheela Fashion pada 31 Ogos 2023. Perniagaan tersebut telah beroperasi di Sendayan, Negeri Sembilan.

Sheela Fashion
Imbangan Duga pada 31 Ogos 2023

	Debit	Kredit
	RM	RM
Modal		73 390
Kenderaan	85 800	
Alatan Pejabat	12 540	
Akaun Belum Terima	14 250	
Akaun Belum Bayar		14 790
Tunai	855	
Bank	14 840	
Inventori pada 1 September 2022	11 220	
Belian dan Jualan	75 450	127 050
Angkutan Masuk	550	
Komisen		7 865
Peruntukan Hutang Ragu		390
Insurans	2 940	
Kadar Bayaran	5 620	
Sewa	5 500	
Pulangan	660	710
Gaji	11 130	
Susut Nilai Terkumpul Kenderaan		17 160
	241 355	241 355

Maklumat tambahan:

- (i) Inventori pada 31 Ogos 2023 dinilai pada harga kos RM15 330 dan harga pasaran bernilai RM16 240.
- (ii) Kenderaan disusut dinilai pada kadar 20% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.
- (iii) Alatan pejabat disusut dinilai mengikut kaedah garis lurus. Tempoh penggunaan alatan pejabat adalah 10 tahun dan nilai skrap adalah RM5 000.
- (iv) Seorang pelanggan telah muflis dan hutangnya sebanyak RM450 telah dihapuskan.
- (v) Peruntukan hutang ragu diselaraskan kepada 5% atas Akaun Belum Terima bersih.
- (vi) Sewa bulan Julai dan Ogos belum dibayar.

- (vii) Premium insurans dibayar bagi tempoh 1 Januari 2023 sehingga 31 Disember 2023.
- (viii) Ambilan barang niaga bernilai RM350 belum lagi direkod dalam mana-mana buku.
- (ix) Komisen diterima bermula daripada 1 September 2022 sehingga 30 September 2023.
- (x) Dokumen berikut telah diterima dan belum direkod dalam mana-mana buku.

ASAL	NOTA KREDIT	No.NK1080	
	BUTIK NORA No 5 Jalan Senawang 70400 Seremban Negeri Sembilan		
		Tarikh: 15 Ogos 2023	
Kepada: Sheela Fashion Lot 19 Jalan SS/2 Sendayan Negeri Sembilan			
Akaun tuan telah dikreditkan dengan perkara berikut:			
Butir	Kuantiti	Harga Seunit	Jumlah
		RM	RM
Seluar Panjang	2	150.00	300.00
Baju Kemeja	3	190.00	570.00
Jumlah			870.00
(Ringgit Malaysia : Lapan ratus tujuh puluh sahaja)			
<i>Sheela</i> Penerima		<i>Nora</i> Pengurus	

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Ogos 2023 [13 markah]
- (b) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Ogos 2023 [12 markah]

- 3 Kelab Seni Koir Mahsan membuka sebuah restoran untuk menambah pendapatan kelab. Berikut adalah penerimaan dan pembayaran kelab bagi tahun berakhir 30 Jun 2023.

Penerimaan	RM	Pembayaran	RM
Yuran ahli	68 300	Alat tulis	1 720
Akaun Belum Terima	11 500	Utiliti	5 700
Jualan restoran	48 300	Belian restoran	14 000
Sewa studio	19 600	Akaun Belum Bayar	11 800
Yuran masuk	5 900	Insurans	2 700
		Lesen perniagaan	1 700
		Alat muzik	13 500
		Gaji	19 800
		Belanja menaik taraf studio	5 500
		Majalah	1 730

Maklumat tambahan:

- (i) Baki-baki aset dan liabiliti adalah seperti berikut :

	1 Julai 2022	30 Jun 2023
	RM	RM
Studio muzik	120 000	120 000
Alat muzik	12 000	20 000
Yuran belum terima	2 300	3 800
Yuran belum terperoleh	-	1 670
Akaun Belum Terima	11 480	19 890
Akaun Belum Bayar	10 680	11 990
Inventori restoran	2 200	5 660
Majalah belum bayar	810	1 150
Inventori Alat tulis	860	1 260
Bank	58 090	133 540

- (ii) Yuran masuk dianggap sebagai pendapatan hasil.
 (iii) 40% daripada gaji merupakan upah pekerja restoran.
 (iv) Pulangan kepada pembekal restoran bernilai RM560 belum direkodkan dalam mana-mana buku.
 (v) Insurans dibayar untuk tempoh setahun bermula 1 September 2022.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Yuran [4 markah]
- (b) Akaun Kawalan Belum Terima [2 markah]
- (c) Akaun Kawalan Belum Bayar [3 markah]
- (d) Akaun Perdagangan Restoran bagi tahun berakhir 30 Jun 2023 [5 markah]
- (e) Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 30 Jun 2023 [9 markah]
- (f) Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2023
(tunjukkan bahagian Dana Terkumpul sahaja) [2 markah]

Bahagian B

[40 markah]

Jawab mana-mana **dua** soalan daripada bahagian ini.

- 4(a) Encik Mali, Encik Riza dan Encik Samir adalah pekongsi dalam sebuah Perkongsian Marisa. Nisbah pembahagian untung atau rugi antara mereka ialah 2 : 2 : 1. Mereka bersetuju untuk membubarkan perniagaan tersebut pada 31 Disember 2022.

Perkongsian Marisa
Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2022

	RM	RM		RM	RM
<u>Aset Bukan Semasa</u>			<u>Ekuiti Pemilik</u>		
Kenderaan	22 000		Modal Mali	18 000	
Alatan pejabat	9 500		Modal Riza	18 000	
		31 500	Modal Samir	9 000	
					45 000
<u>Aset Semasa</u>			Akaun Semasa Mali	2 800	
Inventori	6 100		Akaun Semasa Riza	1 500	
Akaun Belum Terima	4 000		Akaun Semasa Samir	(3 800)	
Bank	8 900				500
		19 000	<u>Liabiliti Bukan Semasa</u>		
			Akaun Belum Bayar		5 000
		50 500			50 500

Maklumat tambahan:

- (i) Encik Samir bersetuju untuk mengambil alih inventori pada harga RM6 000.
- (ii) Akaun Belum Terima telah membayar sebanyak RM3 800 dan bakinya dihapuskan sebagai hutang lapuk.
- (iii) Akaun Belum Bayar telah dijelaskan dengan diskaun 10%.
- (iv) Kenderaan dan Alatan Pejabat dijual dengan harga RM30 000.
- (v) Belanja realisasi ialah RM800.
- (vi) Pekongsi bersetuju membawa masuk wang tunai peribadi untuk menampung kekurangan modal mereka jika perlu.
- (vii) Semua penerimaan dan pembayaran menggunakan cek.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (i) Akaun Realisasi [5 markah]
- (ii) Akaun Modal Pekongsi (beruangan) [3 markah]
- (iii) Akaun Bank [2 markah]

4(b) Puan Junaidah, pemilik perniagaan Butik Mesra telah memulakan perniagaan menjual pakaian muslimah di Rembau. Berikut ialah baki anggaran pada 1 Januari 2024:

(i)	RM
Tunai di bank	21 600
Tunai di tangan	1 560
Perabot	8 000

(ii) Jualan bagi bulan Disember 2023 ialah RM11 000.

Anggaran jualan bagi bulan-bulan berikut:

	RM
Januari	12 000
Februari	14 000
Mac	17 000

- (iii) 70% daripada jualan ialah secara tunai dan bakinya diberi sebulan kredit.
- (iv) Belian adalah 60% daripada anggaran jualan bulanan. Semua belian dibuat secara tunai.
- (v) Pinjaman RM67 200 dijangka diterima pada 1 Februari 2024 berkadar faedah 4% setahun dengan tempoh bayaran balik selama 7 tahun. Bayaran balik pinjaman akan dibuat mulai bulan Mac.
- (vi) Sebuah mesin berharga RM18 000 dibeli pada bulan Mac. Deposit RM4 000 akan dibayar dan bakinya dibayar secara ansuran sebanyak 5 kali.
- (vii) Kadar susut nilai mesin ialah 10% setahun atas kos.
- (viii) Anggaran perbelanjaan bulanan:

	RM
Gaji	4 800
Sewa	1 200
Kadar bayaran	500
Belanja Susut nilai Perabot	800

Anda dikehendaki menyediakan Belanjawan Tunai bagi tiga bulan berakhir 31 Mac 2024.

[10 markah]

- 5(a) Pada 1 Januari 2022, Encik Rahman memulakan perkhidmatan pengiklanan di Taman Kobena, Senawang dengan modal sebanyak RM30 000. Malangnya kebakaran telah berlaku di kedainya dan memusnahkan sebahagian rekod perniagaannya.

Maklumat kewangan perniagaan berikut diperoleh dari Encik Rahman pada 31 Disember 2022:

	RM
Alatan Pejabat	7 500
Simpanan Tetap	12 000
Inventori	7 820
Akaun Belum Terima	3 500
Akaun Belum Bayar	6 400
Tunai	1 200
Bank	12 175
Komisen Belum Terperoleh	550
Sewa Prabayar	600

Maklumat tambahan:

- (i) Pada 30 Jun 2022 sebuah komputer berharga RM2 000 dibeli untuk kegunaan perniagaan dengan wang peribadi belum direkodkan lagi.
- (ii) Pemilik mengeluarkan RM500 setiap bulan untuk membayar sewa kediamannya.
- (iii) Satu nota kredit berjumlah RM800 yang dikirim kepada pelanggan belum direkod dalam mana-mana buku.
- (iv) Peruntukan hutang ragu diwujudkan pada kadar 5% atas baki Akaun Belum Terima bersih.
- (v) Alatan pejabat disusut nilaikan pada kadar 10% setahun atas kos.
- (vi) Faedah atas Simpanan Tetap ialah 8% setahun.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (i) Penyata Mengira Modal pada 31 Disember 2022 [6 markah]
- (ii) Penyata Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 [4 markah]

- 5(b) Syarikat Ghazi Sdn. Bhd merekod Buku Tunai Runcit mengikut Sistem Panjar. Dana runcit sebanyak RM350 diperuntukkan untuk membayar belanja runcit setiap bulan.

Baki pada 1 September 2023:

	RM
Tunai runcit	80
Tunai di tangan	1 600

Urus niaga bagi bulan September 2023 adalah seperti berikut:

2023	RM
Sept 1 Rekupmen dengan cek	?
3 Tambang teksi	25
8 Membeli katrij pencetak	53
10 Membeli mesin pencetak	500
16 Membeli sampul surat dan setem	16
25 Membayar petrol	40
28 Membayar bungkusan dan pos	80
30 Membayar gaji pekerja	1 200

Anda dikehendaki menyediakan Buku Tunai Runcit dengan menunjukkan lajur analisis Alat Tulis, Belanja Pos dan Belanja Perjalanan.

[10 markah]

6(a) Maklumat berikut diperoleh daripada Kedai Kasut Kelly pada 31 Disember 2022.

	RM
Untung Kasar	10 200
Jualan	45 000
Belanja Operasi	4 000
Akaun Belum Terima	1 000
Akaun Belum Bayar	2 000
Bank	3 000
Lengkapan	12 000
Inventori 1 Januari 2022	3 000
Inventori 31 Disember 2022	3 200
Modal 1 Januari 2022	28 000

Anda dikehendaki menghitung :

- | | | |
|-------|------------------------------|------------|
| (i) | Untung Bersih | [2 markah] |
| (ii) | Tokokan | [2 markah] |
| (iii) | Pulangan Atas Modal | [2 markah] |
| (iv) | Kadar Pusing Ganti Inventori | [2 markah] |
| (v) | Nisbah Semasa | [2 markah] |

- 6(b) Baki-baki berikut diambil daripada buku ZHR Enterprise yang dimiliki oleh En Zahar pada 31 Mac 2023:

	RM
Lengkapan	3 500
Inventori	4 000
Akaun Belum Terima	3 800
Bank	9 400
Akaun Belum Bayar	4 600

Urus niaga sepanjang bulan April adalah seperti berikut:

2023

- Apr 2 Terima invoice atas belian barang niaga berjumlah RM1 050.
- 9 20% daripada inventori telah dijual dengan harga RM1 250 dengan cek.
- 15 Pelanggan telah menjelaskan semua hutangnya dengan cek bernilai RM3 500.
- 18 Beli rak pameran bernilai RM2 500 dengan cek untuk kegunaan kedai.
- 23 Pemilik mengambil barang niaga berjumlah RM650 untuk didermakan ke Rumah Anak-anak Yatim Warisan.
- 30 Jualan barang niaga dengan cek bernilai RM400 digunakan untuk membayar Akaun Belum Bayar.

Anda dikehendaki menunjukkan kesan urus niaga di atas menggunakan Jadual Persamaan Perakaunan.

[10 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT